

09/04/2003

Kematangan PPP sepanjang 50 tahun

Misiah Taib

TIDAK ramai yang tahu bahawa esok, genap 50 tahun usia Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dalam tempoh itu, parti yang diterajui oleh tujuh presiden termasuk Senator Datuk M Kayveas yang memegang jawatan sejak 1993 hingga kini, sudah 31 tahun menjadi anggota keluarga BN.

Namun Kayveas sendiri mengakui ramai yang tidak tahu PPP menjangkau usia

emas dan hanya tujuh tahun lebih muda daripada Umno, sebaliknya menganggap

ia sebagai parti politik yang masih muda.

Malah tidak keterlaluan dikatakan nama PPP lebih dikenali pada zaman Kayveas menerajuiinya. Apa lagi, beliau memang terkenal dengan kelantangan

dalam menyuarakan pandangan berhubung apa juga isu. Beliau juga pernah mencetuskan kontroversi terutama ketika mencadangkan semua rakyat

Malaysia

yang lahir selepas merdeka diberi taraf kerakyatan Bumiputera.

Apa pun selain 'populariti' Kayveas sebagai ahli politik bersuara lantang, masih ramai yang tidak tahu mengenai sejarah PPP yang pernah menjadi sebuah parti pembangkang serta hampir menubuhkan kerajaan negeri di Perak selepas 16 tahun penubuhannya apabila memenangi 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan empat kerusi Parlimen pada pilihan raya 1969.

Namun hasrat membentuk kerajaan negeri ketika itu terpaksa dilupakan apabila dua wakil rakyat yang dipilih, melompat keluar parti, masing-masing menyertai Umno dan Gerakan.

Mengimbuai sejarah penubuhannya, PPP lahir pada 1953 dan pada mulanya dikenali sebagai 'Parti Progresif Perak'. Ia menyertai Perikatan bersama Umno, MCA dan MIC pada 1954 serta memenangi satu kerusi di Majlis Bandar Ipoh selepas itu.

Jodohnya bersama Perikatan tidak panjang apabila setahun selepas itu iaitu sebelum pilihan raya majlis tempatan pada 1955, ia meninggalkan Perikatan, selepas PPP tidak diperuntukkan sebarang kerusi.

Pada 1956, ia menukar namanya menjadi Parti Progresif Penduduk bagi menggambarkan ia sebuah parti kebangsaan, bukannya sebuah parti bercorak kenegerian.

Presiden PPP, D R Seenivasagam memenangi pilihan raya kecil Parlimen Ipoh setahun selepas itu dan menjadi Ahli Parlimen PPP yang pertama.

Dalam pilihan raya umum 1959, parti itu yang bertindak sebagai pembangkang memperluaskan pengaruhnya apabila memenangi empat kerusi Parlimen dan lapan kerusi DUN.

Pada 1960, PPP memenangi satu lagi kerusi Parlimen menjadikan jumlah Ahli Parlimennya kepada lima orang. Pada pilihan raya umum 1964, PPP

hanya

memenangi empat kerusi Parlimen dan enam kerusi DUN.

D R Seenivasagam meninggal dunia pada 1969, namun PPP terus mengorak langkah dengan memenangi empat kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN dalam pilihan raya umum 1969. Peluang untuk membentuk Kerajaan Negeri di Perak bagaimanapun terpaksa dilupakan apabila dua ahlinya melompat keluar

meninggalkan parti.

Akhirnya pada 1972, PPP memutuskan menyertai BN, satu keputusan yang dibuat atas kesedaran mengenai peri pentingnya mengetepikan perjuangan politik sempit, selain demi keharmonian kaum serta kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Penyertaan PPP dalam BN adalah satu pengorbanan besar apabila terpaksa berhadapan dengan tembok pemikiran penyokong fanatik yang hanya mahu menerima PPP sebagai sebuah parti pembangkang, bukan anggota BN.

Kebanyakan penyokong yang sebelumnya menerima parti itu sebagai pembangkang, mula menjauhkan diri. Ini jelas terbukti dalam keputusan pilihan raya selepas itu dan keadaan bertambah buruk apabila parti itu menghadapi krisis kepemimpinan.

Pada 1974, PPP bertanding atas tiket BN dan hanya menang satu kerusi Parlimen dan dua kerusi DUN. Setahun selepas itu presiden parti, Datuk Seri S P Seenivasagam meninggal dunia dan Khong Kok Yet menjadi presiden kedua parti itu.

Jawatan nombor satu dalam PPP bagaimanapun nampak goyah selepas Seenivasagam meninggal dunia, dengan presiden demi presidennya tidak dapat bertahan lama dan kerap bertukar ganti.

Khong hanya bertahan selama lima tahun apabila S I Rajah dipilih menggantikan beliau pada 1978 dan empat tahun selepas itu pula Datuk Paramjit Singh dipilih sebagai presiden PPP dan pada 1985, Tee Ah Chuan pula mengambil alih.

Tee hanya bertahan setahun apabila memilih untuk meletak jawatan pada 1986 dan ini memaksa Paramjit untuk kembali menjadi presiden. Pada 1986 juga tahun terakhir PPP memenangi kerusi dalam pilihan raya iaitu tiga kerusi saja.

Pada 1988, Datuk Mak Hon Kam pula menjadi presiden PPP. Berikutan perintah mahkamah, Mak juga terpaksa turun dari jawatan nombor satu itu pada tahun sama dan S I Rajah memangku jawatan presiden.

Pada 1993, Kayveas menjadi Presiden PPP selepas S I Rajah bersara daripada politik dan setahun selepas itu, Pendaftar Pertubuhan memperakui Kayveas sebagai presiden baru yang sah bagi parti berkenaan.

Kayveas berkata, sebaik mengambilalih kepemimpinan parti itu beliau terpaksa bermula dari kosong, berikutan krisis dalaman yang menyaksikan jawatan nombor satu sering bertukar tangan dan parti menghadapi masalah mahkamah.

Justeru, katanya, beliau cuba membawa pembaharuan dan pada 19 Mac 1995, satu Perhimpunan Agung Luar biasa diadakan dan di antara lain memutuskan penggunaan logo baru parti dan memutuskan bahawa hanya presiden parti yang akan menjadi jurucakap parti.

Berikutan itu, perlembagaan PPP disemak semula dan pindaan perlu dibuat. Ke arah mengemaskini parti, cawangan dikurangkan kepada 27 daripada 50 pada ketika itu dan bagi mengemaskini keahlian, kad keahlian diperkenalkan.

Pada 26 Mac 1995, Kayveas menghadiri Konvensyen BN yang pertama dan menandatangani Piagam BN sebagai Presiden PPP.

Pada 12 April 1995, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

selaku Pengerusi BN melancarkan logo baru PPP, yang sekali gus membuka era baru dalam sejarah perjuangan parti itu.

Sejak itu, PPP sentiasa mengambil bahagian secara aktif dalam pilihan raya umum dan memberikan sokongan tidak berbelah bagi kepada calon BN.

Pada 16 Jun 1996, perlembagaan PPP dipinda buat pertama kalinya dan pindaan itu dibuat selari dengan perlembagaan Umno. Pada 3 September 1996, parti itu mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan pemilihan, yang mana Kayveas dipilih menang tanpa bertanding .

Pada 18 September 1995, sekumpulan ahli yang disingkirkan cuba untuk mencabar kepemimpinan PPP menerusi perintah yang dikeluarkan Mahkamah Tinggi Seremban. Perintah itu bagaimanapun, dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan pada 14 Oktober 1999, yang membuat keputusan berpihak kepada Kayveas.

Kejadian itu jelas tidak melemahkan parti, apabila kira-kira 15,000 ahlinya berkumpul sempena Hari Keluarga PPP di Ipoh pada 21 September 1999, jumlah terbesar yang pernah menghadiri hari keluarga dalam sejarah parti itu.

Pada 14 Oktober 2000, Kayveas menang tanpa bertanding bagi jawatan nombor satu parti itu. Pada 6 Disember 2000, Kayveas dilantik sebagai Senator di Dewan Negara dan pada 30 Januari 2001, sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selepas menempuh pelbagai cabaran dan dugaan sejak penubuhannya, PPP akan menyambut jubli emasnya pada kedudukan parti yang dianggap sebagai paling mantap.

Sambutan ulang tahun ke-50 PPP amat bermakna kepada parti yang melalui pelbagai ranjau dan duri sejak penubuhannya, terutama selepas presiden pertamanya meninggal dunia, sehingga menyaksikan kerusi nombor satu parti sentiasa panas dan parti juga berhadapan dengan kes-kes mahkamah.

Sambutan kali ini, kata Kayveas, dibuat ketika parti berada dalam kedudukan cukup stabil, bebas daripada krisis dalaman dan mempunyai keanggotaan 350,000 ahli yang semuanya memiliki kad keahlian.

"Jika dulu kita berhadapan dengan pelbagai masalah, kini kita boleh berbangga dengan kedudukan parti yang cukup mantap. Malah kita sudah bersedia untuk memainkan peranan lebih aktif dalam BN, termasuk bertanding dalam pilihan raya, jika diberi peluang," katanya.